

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 26 penyata kewangan BBN dan PBT bagi tahun berakhir 2021 telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 7 April 2022, agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 kepada Jabatan Audit Negara sebelum 30 April 2022.
- Sebanyak satu agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan, iaitu Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.
- Setakat 31 Ogos 2022, sembilan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah disahkan di mana empat penyata kewangan diberi Sijil Tanpa Teguran dan lima diberi Sijil Berteguran. Seterusnya sebanyak 17 penyata kewangan agensi negeri masih dalam proses persijilan termasuk satu yang baru sahaja diterima pada 29 Ogos 2022 dan dalam proses untuk dikemukakan kepada Firma Audit Swasta (FAS) untuk pengauditan.
- Bagi penyata kewangan tahun 2020 pula, 28 Penyata kewangan telah disijilkan. Sebanyak lima Penyata Kewangan diberikan Sijil Tanpa Teguran, dua Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain serta lapan Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain. Seterusnya sebanyak enam Penyata Kewangan diberikan Sijil Berteguran, dua Sijil Berteguran dengan

perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain serta lima Sijil Berteguran dengan perenggan Hal-hal Lain.

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak satu penyata kewangan tahun 2017, satu penyata kewangan tahun 2018, dua penyata kewangan tahun 2019 dan 20 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Seterusnya penyata kewangan yang belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah melibatkan tiga agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (tahun 2018 hingga 2020), Lembaga Muzium Negeri Perak (tahun 2019 dan 2020) dan Lembaga Air Perak bagi tahun 2020.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan, sistem kawalan dalaman yang berkesan diamalkan dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan disertakan dengan dokumen sokongan; dan
 - agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2021	Bilangan Agensi Negeri		27 Akaun Agensi Negeri	
	11	Badan Berkanun Negeri	9	Telah Disahkan
	15	Pihak Berkuasa Tempatan	17	Belum Disahkan
	1	Majlis Agama Islam	1	Belum Dikemukakan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 27 penyata kewangan agensi negeri tahun 2021 berbanding 28 penyata kewangan pada tahun 2020. Penyata kewangan bagi satu agensi negeri, iaitu Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak tidak lagi diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Perkara ini adalah disebabkan tiada peruntukan mengenai kuasa Ketua Audit Negara untuk mengaudit penyata kewangan di dalam enakmen penubuhan agensi negeri tersebut.

2.2. Penyata kewangan agensi negeri terdiri daripada 11 BBN, 15 PBT dan satu Kumpulan Wang Zakat (KWZ) MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] manakala MAI di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

2.3. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terus terhadap penyata kewangan bagi empat BBN, satu PBT dan satu KWZ MAI manakala pengauditan terhadap 21 penyata kewangan yang lain dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.4. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 7 April 2022, agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 kepada Jabatan Audit Negara sebelum 30 April 2022. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 26 daripada 27 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 kepada Jabatan Audit Negara. Daripada 26 agensi negeri tersebut, 20 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 April 2022 manakala enam agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2022.

3.2. Pejabat Kewangan Negeri telah meluluskan penangguhan penyerahan penyata kewangan bagi dua BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Yayasan Perak sehingga 30 Jun 2022. Dua PBT pula iaitu Majlis Daerah Gerik dan Tapah, penangguhan penyerahan penyata kewangan telah diluluskan sehingga 30 Ogos 2022. Bagi KWZ MAI, kelulusan adalah sehingga 30 September 2022. Bagaimanapun, dua PBT iaitu Majlis Daerah Lenggong dan Batu Gajah telah lewat menyerahkan penyata kewangan tanpa kelulusan Pejabat Kewangan Negeri. Manakala dua BBN iaitu Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dan Yayasan Perak telah menyerahkan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan tetapi dipulangkan semula kerana berlaku kesilapan ketara dalam penyediaan penyata kewangan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN
DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Muzium Negeri Perak	08.04.2022
2.	Perbadanan Taman Negeri Perak	12.04.2022
3.	Majlis Sukan Negeri Perak	26.04.2022
4.	Lembaga Air Perak	28.04.2022
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	28.04.2022
6.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	29.04.2022
7.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	29.04.2022
8.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	29.04.2022
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	30.06.2022
10.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	07.07.2022
11.	Yayasan Perak	20.07.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Taiping	27.04.2022
2.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	28.04.2022
3.	Majlis Daerah Kerian	28.04.2022
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	29.04.2022
5.	Majlis Daerah Perak Tengah	29.04.2022
6.	Majlis Daerah Kampar	29.04.2022
7.	Majlis Daerah Selama	29.04.2022
8.	Majlis Perbandaran Manjung	29.04.2022
9.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	29.04.2022
10.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	29.04.2022
11.	Majlis Bandaraya Ipoh	29.04.2022
12.	Majlis Daerah Lenggong	13.05.2022
13.	Majlis Daerah Batu Gajah	18.05.2022
14.	Majlis Daerah Tapah	08.07.2022
15.	Majlis Daerah Gerik	29.08.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Kumpulan Wang Zakat, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi negeri mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi negeri untuk mengemukakan penyata kewangan yang

lengkap dan auditable akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Negeri seperti digariskan di bawah PA 3.1. Pekeliling Perbendaharaan. Piawaian perakaunan diterima pakai di Malaysia adalah Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 yang mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	3
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	2
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	22
JUMLAH		27

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI. ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan Juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perkara Utama Audit merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus (those charged with governance). Perkara Utama Audit menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Ketua Audit Negara.

5.1.3. Perenggan Hal-hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan Juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab Juruaudit atau Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer):

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh Juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Penafian Pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun Juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, sembilan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah disahkan di mana empat PBT iaitu Majlis Daerah Perak Tengah, Majlis Daerah Batu Gajah, Majlis Daerah Kerian dan Majlis Daerah Selama diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran. Seterusnya lima PBT iaitu Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Daerah Tanjong Malim, Majlis Daerah Kampar serta Majlis Daerah Lenggong diberikan Sijil Audit Berteguran. Sebanyak 16 penyata kewangan sedang dalam proses persijilan. Secara keseluruhan, kelewatan berlaku kerana pandemik Covid-19 masih memberi kesan terhadap proses pensijilan dan pelanjutan tempoh yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri kepada agensi negeri untuk mengemukakan penyata kewangan. Satu penyata kewangan iaitu Majlis Daerah Gerik baru sahaja diterima pada 29 Ogos 2022 dan dalam proses untuk dikemukakan kepada FAS untuk pengauditan.

5.4. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2017 sehingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI
BAGI TAHUN 2017 SEHINGGA 2021 MENGIKUT JENIS PENDAPAT AUDIT

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata)				
		2017	2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	29	27	4	5	4
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara/Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain	0	1	10	10	0
3.	Pendapat Berteguran/Pendapat Berteguran dengan perenggan Penegasan Perkara/Pendapat Berteguran dengan perenggan Hal-hal Lain	1	2	15	13	5
JUMLAH		30	30	29	28	9*

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017 hingga 2021

Nota: (*) - Kedudukan setakat 31 Ogos 2022

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020

5.5.1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 29 Mac 2022. LKAN Tahun 2020 tersebut tidak melaporkan status bagi 27 Penyata Kewangan Agensi Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 kecuali satu penyata kewangan BBN iaitu Majlis Sukan Negeri Perak. Ini disebabkan laporan tersebut hanya melaporkan penyata kewangan yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2021.

5.5.2. Sehingga 31 Ogos 2022, kesemua 28 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah selesai diaudit dan telah disahkan. Jenis sijil audit yang dikeluarkan terhadap 28 penyata kewangan tersebut terdiri daripada lima Sijil Tanpa Teguran, dua Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain, lapan Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain. Seterusnya enam Sijil Berteguran, dua Sijil Berteguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain serta lima Sijil Berteguran dengan perenggan Hal-hal Lain turut dikeluarkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN
AGANSI NEGERI TAHUN 2020 YANG DILAPORKAN DALAM LKAN 2021

BIL.	AGANSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
SIJIL TANPA TEGURAN			
1.	Majlis Sukan Negeri Perak	28.04.2021	18.08.2021
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	28.04.2021	18.10.2021
3.	Perbadanan Taman Negeri Perak	30.04.2021	25.10.2021
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	30.06.2021	28.10.2021
5.	Majlis Bandaraya Ipoh	06.07.2021	14.10.2021
SIJIL TANPA TEGURAN DENGAN PERENGKAN PENEGASAN PERKARA DAN HAL-HAL LAIN			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	29.10.2021	25.03.2022
2.	Lembaga Muzium Negeri Perak	08.06.2021	21.10.2021
SIJIL TANPA TEGURAN DENGAN PERENGKAN HAL-HAL LAIN			
1.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	03.05.2021	28.10.2021
2.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	30.06.2021	28.10.2021
3.	Majlis Daerah Tapah	30.06.2021	15.10.2021
4.	Majlis Daerah Selama	30.06.2021	22.10.2021
5.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	01.07.2021	13.10.2021
6.	Majlis Daerah Kampar	02.07.2021	15.10.2021
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	02.07.2021	15.10.2021
8.	Majlis Daerah Lenggong	08.07.2021	27.10.2021
SIJIL BERTEGURAN			
1.	Lembaga Air Perak	28.04.2021	12.10.2021
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	30.04.2021	23.09.2021
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	30.04.2021	23.09.2021
4.	Majlis Perbandaran Taiping	02.07.2021	28.10.2021
5.	Yayasan Perak	03.09.2021	24.12.2021
6.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak	03.09.2021	10.12.2021
SIJIL BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN PENEGASAN PERKARA DAN HAL-HAL LAIN			
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	29.06.2021	29.10.2021
2.	Majlis Daerah Gerik	02.07.2021	28.10.2021
SIJIL BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN HAL-HAL LAIN			
1.	Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak	28.04.2021	8.10.2021
2.	Majlis Daerah Kerian	28.06.2021	13.10.2021
3.	Majlis Daerah Perak Tengah	30.06.2021	15.10.2021
4.	Majlis Daerah Batu Gajah	02.07.2021	25.10.2021
5.	Majlis Perbandaran Manjung	06.07.2021	15.10.2021

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Agensi Negeri Tahun 2020

5.6. Asas kepada Sijil Berteguran bagi 13 penyata kewangan terdiri daripada enam BBN, enam PBT dan satu MAI adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 BAGI PENDAPAT
BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA
ATAU HAL-HAL LAIN

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA/HAL-HAL LAIN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Air Perak	a. Tunai dan Kesetaraan Tunai Sejumlah RM11.28 juta tidak disesuaikan dalam penyata penyesuaian bank bagi tiga akaun bank Lembaga Air Perak dari tahun 2018 hingga 2020. Transaksi yang tidak disesuaikan melibatkan sejumlah RM240.23 juta yang direkodkan dalam buku tunai tetapi tiada dalam penyata bank dan sejumlah RM247.38 juta yang mempunyai rekod dalam penyata bank tetapi tiada dalam buku tunai. b. Penyatuan Akaun Penghapusan margin terkumpul antara Lembaga Air Perak dan subsidiari hanya dibuat pada tahun 2019 dan 2020 walaupun subsidiari telah wujud sejak tahun 2002. Amaun margin terkumpul yang tidak dihapus kira bagi tahun 2003 hingga 2018 semasa penyatuan akaun berjumlah RM26.67 juta kerana aset telah dipindah kepada Pengurusan Aset Air Berhad. Bagaimanapun, maklumat berkaitan perpindahan aset tersebut tidak dapat disahkan.
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	Pinjaman tertunggak melebihi 10 tahun sejumlah RM5.22 juta mewakili 20.3% dan melebihi 1 hingga 10 tahun sejumlah RM7.96 juta mewakili 31% daripada jumlah keseluruhan pinjaman tertunggak. Bagaimanapun tiada peruntukan rosot nilai direkodkan sebagaimana ditetapkan di dalam dasar perakaunan penting di nota kepada penyata kewangan iaitu pada nota 3 perenggan c.
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	Pinjaman tertunggak melebihi 10 tahun sejumlah RM1.52 juta mewakili 32% dan melebihi 1 hingga 10 tahun sejumlah RM1.35 juta mewakili 28.3% daripada jumlah keseluruhan pinjaman tertunggak. Bagaimanapun tiada peruntukan rosot nilai direkodkan sebagaimana ditetapkan di dalam dasar perakaunan penting di nota kepada penyata kewangan iaitu pada Nota 3 perenggan (c).
4.	Yayasan Perak	a. Hartanah, Loji dan Peralatan Baki hartanah, loji dan peralatan adalah termasuk perbelanjaan ubah suai pejabat di premis bukan milikan Yayasan Perak pada tahun 2019 sejumlah RM101,642. Perkara ini menyebabkan hartanah loji dan peralatan telah terlebih nyata sejumlah RM101,642. b. Tanah Dipegang untuk Pembangunan Baki tanah dipegang untuk pembangunan adalah termasuk hapus kira perbelanjaan pembangunan sejumlah RM121,490 yang merupakan kos tanah yang masih wujud. Perkara ini menyebabkan tanah dipegang untuk pembangunan terkurang nyata sejumlah RM121,490. c. Simpanan Tetap Keuntungan simpanan tetap dipermodalkan mulai tahun 2008 dan tahun semasa masing-masing sejumlah RM195,488 dan RM29,142 tidak diambil kira sebagai simpanan tetap. Perkara ini menyebabkan simpanan tetap sejumlah RM224,630 terkurang nyata. d. Pendapatan Pendapatan Yayasan Perak adalah pendapatan pelunasan Geran Pembangunan Sosial tahun 2020 terlebih nyata sejumlah RM151,800 dan terimaan sewaan kolam udang tahun 2021 sejumlah RM75,949. Perkara ini menyebabkan pendapatan sejumlah RM227,749 terlebih nyata.
5.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak tidak membuat peruntukan rosot nilai ke atas baki penghutang pinjaman pelajaran yang telah tertunggak melebihi satu tahun yang berjumlah RM1.71 juta seperti yang dinyatakan di Nota 2(c) kepada penyata kewangan.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA/HAL-HAL LAIN
6.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	a. Jumlah Pendapatan Komprehensif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dan Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak mengiktiraf nilai saksama aset kewangan sedia dijual sejumlah RM34.90 juta pada tahun 2020. Pengiktirafan tersebut adalah disebabkan peningkatan nilai pasaran dalam saham tersiar harga. Bagaimanapun, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak tidak merekodkan amaun tersebut dalam Penyata Pendapatan Komprehensif menyebabkan jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa bagi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dan Kumpulan berkurang nyata dengan jumlah yang sama. b. Keuntungan Terkumpul Kumpulan Jumlah keuntungan terkumpul yang dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan ialah RM739.46 juta, manakala jumlah keuntungan terkumpul yang dinyatakan di Penyata Perubahan Ekuiti ialah RM737.91 juta. Perkara ini menyebabkan perbezaan sejumlah RM1.55 juta tidak diselaraskan. c. Pelaburan Hartanah Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak tidak mengiktiraf pelaburan hartanah dalam penyata kewangan seperti mana kehendak piawaian MFRS 140 walaupun Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak telah merekod pendapatan pajakan tanah sejumlah RM6.80 juta dan pendapatan sewa diterima sejumlah RM2.80 juta. Penegasan Perkara: Perbezaan tiga item penyata aliran tunai tidak dapat disahkan iaitu pelarasan bagi perubahan nilai saksama aset biologi sejumlah RM0.89 juta; perubahan dalam modal kerja sejumlah RM4.08 juta; dan aliran tunai daripada aktiviti pelaburan sejumlah RM23.63 juta dengan kertas kerja yang disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. Hal-hal Lain: Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu ketidakpatuhan terhadap polisi perakaunan yang diguna pakai dan pelarasan transaksi perakaunan tahun 2019 yang tidak diambil tindakan dalam tahun 2020 seperti dalam surat pengurusan. Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu yang dibangkitkan meliputi pematuhan kepada piawaian MFRS 7 iaitu Pendedahan Dasar Instrumen Kewangan berkaitan elauun kerugian rosot nilai instrumen kewangan dan cara pengiraan kerugian kredit dijangka. Pematuhan terhadap pendedahan maklumat berkaitan cukai dan cukai aset/liabiliti tertunda tidak disediakan seperti piawaian MFRS 112 iaitu Cukai Pendapatan. Pematuhan kepada Piawaian MFRS 124 iaitu Pendedahan Pihak Berkaitan melibatkan emolumen pengarah, transaksi antara Kumpulan dan anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak seperti pendapatan, pembelian pajakan kewangan dan sumbangan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Perak tidak dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Pematuhan terhadap dasar dan polisi perakaunan berkaitan keperluan penilaian awal dan penilaian semula tanah-tanah milik bebas dan pajakan tidak selaras seperti dalam nota kepada penyata kewangan.
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
7.	Majlis Perbandaran Taiping	a. Hartanah, Loji dan Peralatan Majlis Perbandaran Taiping tidak mengiktiraf 13 unit kenderaan yang telah didaftarkan di bawah Majlis Perbandaran Taiping berjumlah RM111,467 dalam penyata kewangan seperti mana kehendak MPSAS 17. b. Aset Tak Ketara Baki Aset Tak Ketara pada tahun 2020 berjumlah RM1.96 juta adalah termasuk nilai aset sejumlah RM1.75 juta yang tidak dibuat penjejasan nilai oleh Majlis Perbandaran Taiping. Perkara ini menyebabkan Aset Tak Ketara terlebih nyata sejumlah RM1.75 juta. c. Hasil Bukan Kewangan Majlis Perbandaran Taiping mengiktiraf pelunasan geran tertunda dan akaun amanah awam dalam tahun 2020 sebagai bukan kewangan sejumlah RM6.45 juta adalah berbeza dengan amaun pelunasan di Nota 13 dan 14 dalam penyata kewangan sejumlah RM9.47 juta. Perbezaan amaun pelunasan menyebabkan hasil bukan kewangan berkurang nyata sejumlah RM3.01 juta.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN PENEGASAN PERKARA/HAL-HAL LAIN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
8.	Majlis Daerah Gerik	a. Hartanah, Loji dan Peralatan Baki hartanah, loji dan peralatan pada tahun 2020 adalah termasuk kos dua projek Memasang Lampu Limpah di Padang Bola Sepak Majlis Daerah Gerik berjumlah RM0.95 juta. Perakuan Siap Kerja bagi dua projek tersebut adalah pada 12 Januari 2018 dan 11 Februari 2019. Majlis Daerah Gerik tidak mengiktiraf susut nilai peralatan bagi tahun 2018 dan 2019 berjumlah RM282,440. Majlis Daerah Gerik turut merekodkan susut nilai tahun semasa sejumlah RM19,071 pada kadar 2% berbanding 20% seperti di Nota 2.4.2 di penyata kewangan. Perkara ini menyebabkan hartanah, loji dan peralatan terlebih nyata sejumlah RM454,076. b. Aset Infrastruktur Baki aset infrastruktur pada tahun 2020 adalah termasuk pelarasan kos jalan secara retrospektif sejumlah RM7.79 juta. Majlis Daerah Gerik tidak mengiktiraf aset tersebut menggunakan kaedah Kos Penggantian Disusut Nilai seperti yang dinyatakan di Nota 2.3.5 dalam penyata kewangan menyebabkan aset infrastruktur terlebih nyata sejumlah RM1.04 juta. c. Hartanah Pelaburan Majlis Daerah Gerik tidak mengiktiraf kos Projek Memasang Bumbung Futsal di Gelanggang Futsal Taman Puncak Nilam sejumlah RM161,080 yang telah dikeluarkan Perakuan Siap Kerja pada 11 Disember 2018. Perkara ini menyebabkan nilai buku bersih hartanah pelaburan terkurang nyata sejumlah RM154,368. d. Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Gerik tidak mengiktiraf dua kos projek Memasang Lampu Limpah di Padang Bola Sepak Majlis Daerah Gerik secara retrospektif menyebabkan urus niaga bukan pertukaran terlebih nyata sejumlah RM0.95 juta. Penegasan Perkara: Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Gerik. Majlis Daerah Gerik juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Daerah Gerik tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan. Hal-hal lain: Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai oleh Majlis Daerah Gerik. Majlis Daerah Gerik disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Antara isu yang dibangkitkan meliputi rekod dan daftar aset yang tidak dikemas kini serta perbezaan amaun antara peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan dan laporan pengumuman terperinci bagi urus niaga bukan pertukaran belum terima dan urus niaga pertukaran belum bayar.
9.	Majlis Daerah Kerian	Aset Infrastruktur i. Baki aset infrastruktur pada tahun 2020 adalah termasuk kos Jalan Persiaran Permai, Taman Kerian Permai berjumlah RM1.35 juta. Berdasarkan pengukuran semasa lawatan fizikal, kos aset infrastruktur tersebut adalah sejumlah RM2.25 juta. Perkara ini menyebabkan aset infrastruktur terkurang nyata sejumlah RM0.90 juta. ii. Baki aset infrastruktur pada tahun 2020 adalah termasuk kos lorong belakang bagi Taman Lembah Beriah dan Taman Pekan Baru berjumlah RM3.50 juta. Berdasarkan pengukuran semasa lawatan fizikal, kos aset infrastruktur tersebut adalah sejumlah RM2.76 juta. Perkara ini menyebabkan aset infrastruktur terlebih nyata sejumlah RM0.74 juta.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN PENEGASAN PERKARA/HAL-HAL LAIN
		Hal-hal lain: Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai oleh Majlis Daerah Kerian. Majlis Daerah Kerian disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Isu yang dibangkitkan adalah perbezaan amaun antara peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan dan laporan pengumuran terperinci bagi urus niaga pertukaran belum terima dan urus niaga pertukaran belum bayar.
10.	Majlis Daerah Perak Tengah	Inventori Sebanyak 129 lot Rumah Kos Rendah Desa Seri berjumlah RM3.43 juta telah diakaunkan sebagai inventori Majlis Daerah Perak Tengah. Hak milik bagi lot tersebut telah didaftarkan atas nama pembeli setelah bayaran deposit diterima. Bagaimanapun, pembeli tidak membuat ansuran sepenuhnya sehingga tamat tempoh perjanjian jual beli. Perkara ini menyebabkan inventori terlebih nyata sejumlah RM3.43 juta. Hal-hal lain: Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai oleh Majlis Daerah Perak Tengah. Majlis Daerah Perak Tengah disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Isu yang dibangkitkan adalah perbezaan amaun antara peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan dan laporan pengumuran terperinci bagi urus niaga pertukaran belum terima dan urus niaga pertukaran belum bayar.
11.	Majlis Daerah Batu Gajah	Sumbangan Kerajaan Persekutuan Sejumlah RM17.47 juta yang diiktiraf sebagai sumbangan Kerajaan Persekutuan adalah termasuk pengiktirafan aset Dewan Serbaguna Sungai Rapat, Perak sejumlah RM0.80 juta. Tarikh penyerahan dewan tersebut oleh Jabatan Perdana Menteri kepada Majlis Daerah Batu Gajah adalah pada 13 Mei 2019. Perkara ini menyebabkan sumbangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 terlebih nyata sejumlah RM0.80 juta. Hal-hal lain: Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai oleh Majlis Daerah Batu Gajah. Majlis Daerah Batu Gajah disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Isu yang dibangkitkan adalah perbezaan amaun antara peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan dan laporan pengumuran terperinci bagi urus niaga pertukaran belum terima dan urus niaga pertukaran belum bayar.
12.	Majlis Perbandaran Manjung	Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran – Cukai Taksiran Kesilapan pelarasan terhadap hasil cukai taksiran tahun semasa sejumlah RM3.99 juta dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Manjung berbanding amaun dalam penyata Akaun Individu sejumlah RM204,981. Punca perbezaan amaun pelarasan adalah ralat teknikal sistem ePBT 2.0. Perkara ini menyebabkan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran cukai taksiran terkurang nyata sejumlah RM3.79 juta. Hal-hal lain: Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Manjung. Majlis Perbandaran Manjung disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Isu yang dibangkitkan adalah perbezaan amaun antara peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan dan laporan pengumuran terperinci yang dijana daripada sistem ePBT 2.0 bagi urus niaga pertukaran belum terima dan urus niaga pertukaran belum bayar.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN PENEGASAN PERKARA/HAL-HAL LAIN
MAJLIS AGAMA ISLAM		
13.	Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak	a. Hartanah, Loji dan Peralatan Baki hartanah, loji dan peralatan pada tahun 2020 adalah termasuk kos bangunan Asrama Universiti Sultan Azlan Shah berjumlah RM13.65 juta. Bangunan Asrama Universiti Sultan Azlan Shah ini telah sedia digunakan pada tahun 2017. Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu tidak merekodkan susut nilai bangunan berjumlah RM0.82 juta sejak tahun 2017 menyebabkan nilai bangunan tersebut telah terlebih nyata dengan jumlah yang sama. b. Hartanah Pelaburan Baki hartanah pelaburan adalah termasuk lapan lot tanah yang telah dilupuskan dengan nilai RM480,375 berbanding kos tanah RM22,606. Perkara ini menyebabkan tanah tersebut telah terlebih dilupuskan dan menjadikan hartanah pelaburan berkurang nyata sejumlah RM457,769. c. Aset Dalam Kemajuan i. Bayaran perunding bagi dua projek iaitu Pembinaan Pejabat Pentadbiran Daerah Teluk Intan dan Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf di Manjung berjumlah RM358,813 tidak direkodkan sebagai aset dalam kemajuan. Perkara ini menyebabkan aset dalam kemajuan berkurang nyata dengan jumlah yang sama. ii. Bayaran bagi projek Pembinaan Blok Pentadbiran dan Asrama Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Kampong Kenang Baru adalah berjumlah RM4.10 juta. Bagaimanapun, Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak hanya mengiktiraf sejumlah RM3.19 juta menyebabkan aset dalam kemajuan sejumlah RM0.91 juta berkurang nyata. d. Penghutang Termasuk dalam jumlah penghutang adalah tiga penghutang jualan tanah berjumlah RM121,901 yang telah dibatalkan menyebabkan penghutang terlebih nyata dengan jumlah yang sama. Hal-hal Lain Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan sistem perakaunan dan kewangan yang diguna pakai seperti dalam surat pengurusan. Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak disarankan untuk menangani isu kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata. Antara isu yang dibangkitkan meliputi perbezaan baki antara imbalan duga dan lejar, perbezaan amaun perbelanjaan antara laporan prestasi perbelanjaan dan lejar, ketiadaan maklumat baucar bayaran dalam lejar am dan perbelanjaan tanpa peruntukan.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Agensi Negeri Tahun 2020

5.7. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

Sehingga 31 Ogos 2022, sembilan penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan telah disahkan. Jenis Sijil Audit yang dikeluarkan terhadap sembilan penyata kewangan tersebut terdiri daripada empat Sijil Tanpa Teguran dan lima Sijil Berteguran. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN
AGensi NEGERI TAHUN 2021

BIL.	AGENSi NEGERI	TARIKH PENYERAHAN	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
SIJIL TANPA TEGURAN			
1.	Majlis Daerah Kerian	28.04.2022	27.08.2022
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	29.04.2022	29.07.2022
3.	Majlis Daerah Selama	29.04.2022	10.08.2022
4.	Majlis Daerah Batu Gajah	18.05.2022	18.08.2022
SIJIL BERTEGURAN			
1.	Majlis Perbandaran Taiping	27.04.2022	16.08.2022
2.	Majlis Perbandaran Manjung	29.04.2022	25.08.2022
3.	Majlis Daerah Kampar	29.04.2022	04.08.2022
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	29.04.2022	17.08.2022
5.	Majlis Daerah Lenggong	13.05.2022	19.08.2022

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2021

5.8. Asas kepada pendapat berteguran bagi lima penyata kewangan PBT adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 BAGI PENDAPAT BERTEGURAN

BIL.	AGENSi NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Taiping	a. Pengiktirafan Pelarasan Tahun Lalu Sejumlah RM3.01 Juta Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Perbandaran Taiping telah mengiktiraf pelarasan tahun lalu bagi Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam sejumlah RM3.01 juta sebagai urus niaga bukan pertukaran pada tahun semasa. Perkara ini menyebabkan urus niaga bukan pertukaran telah terlebih nyata dalam Penyata Prestasi Kewangan Majlis Perbandaran Taiping Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. b. Pelupusan Aset Infrastruktur Terlebih Nyata Sejumlah RM54.49 Juta MPSAS 3 menetapkan sesebuah entiti hendaklah membetulkan kesilapan material tempoh terdahulu secara retrospektif dalam set pertama penyata kewangan yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan. Majlis Perbandaran Taiping telah mengiktiraf pelupusan aset infrastruktur dalam tahun semasa sejumlah RM54.49 juta. Amaun ini sepatutnya diiktiraf secara retrospektif dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Taiping Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. c. Akaun Tunai Di Bank Terkurang Nyata Sejumlah RM0.83 Juta Sejumlah RM0.83 juta transaksi di bank tidak direkodkan dalam buku tunai. Perkara ini menyebabkan akaun tunai di bank terkurang nyata, urus niaga pertukaran dan urus niaga bukan pertukaran belum terima terlebih nyata. d. Hasil dan Perbelanjaan Terlebih Nyata Sejumlah RM13.59 Juta Majlis Perbandaran Taiping telah mengiktiraf pelarasan perbelanjaan dan pelunasan Geran Tertunda sejumlah RM13.43 juta serta Akaun Amanah Awam sejumlah RM0.16 juta yang tidak aktif ke dalam hasil dan perbelanjaan. Kesilapan ini menyebabkan hasil dan perbelanjaan tahun semasa di dalam Penyata Prestasi Kewangan Majlis Perbandaran Taiping telah terlebih nyata sejumlah RM13.59 juta.

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		e. Kerja Dalam Pelaksanaan Terkurang Nyata Sejumlah RM0.69 Juta Majlis Perbandaran Taiping tidak mengiktiraf jumlah keseluruhan bayaran interim bagi Projek Naik Taraf Pasar Taiping sebagai Kerja Dalam Pelaksanaan. Perkara ini menyebabkan Kerja Dalam Pelaksanaan telah terkurang nyata sejumlah RM0.69 juta dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Taiping Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.
2.	Majlis Perbandaran Manjung	a. Aset Infrastruktur Terlebih Nyata Sejumlah RM1.77 Juta Kesilapan Majlis Perbandaran Manjung mengiktiraf kos bagi satu aset infrastruktur jalan bandaran sejumlah RM1.97 juta dan susut nilai terkumpul sejumlah RM196,624 menyebabkan nilai buku bersih aset infrastruktur terlebih nyata sejumlah RM1.77 juta. b. Akaun Belum Bayar – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Terlebih Nyata Sejumlah RM430,006 Majlis Perbandaran Manjung telah merekodkan pembayaran belanja penyelenggaraan pejabat tahun semasa sejumlah RM430,006 sebagai belanja tahun 2021. Kesilapan ini menyebabkan akaun belum bayar – penyelenggaraan dan pembaikan kecil pada tahun semasa terlebih nyata.
3.	Majlis Daerah Kampar	Aset Infrastruktur Terlebih Nyata Nilai bawaan bersih aset infrastruktur sejumlah RM342.20 juta yang dinyatakan semula pada tahun 2021 adalah termasuk nilai bawaan bersih kolam tadahan yang terlebih nyata sejumlah RM31.44 juta. Perkara ini adalah disebabkan kesilapan pengiraan ukuran saiz keluasan kolam tadahan oleh Majlis Daerah Kampar pada tahun pertama aset infrastruktur diiktiraf dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Kampar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018. Kesilapan ini juga menyebabkan susut nilai tahun semasa dan kurangan tahun semasa terlebih nyata sejumlah RM330,969. Selain itu, jumlah hartanah, loji dan peralatan serta lebih terkumpul juga terlebih nyata sejumlah RM31.44 juta.
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	Terimaan dan Perbelanjaan MARRIS Terkurang Nyata Sejumlah RM450,033 Laporan Perbelanjaan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) bagi Majlis Daerah Tanjong Malim berbeza dengan amaun di penyata kewangan sejumlah RM450,033. Kesilapan tidak merekodkan satu baucar bayaran menyebabkan terimaan dan perbelanjaan MARRIS telah terkurang nyata.
5.	Majlis Daerah Lenggong	a. Hartanah Pelaburan Terkurang Nyata Sejumlah RM294,490 Senarai Hartanah Pelaburan Majlis Daerah Lenggong berbeza dengan amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan. Majlis Daerah Lenggong telah terlebih rekod perbelanjaan susut nilai dalam tahun semasa sejumlah RM294,490. Perkara ini menyebabkan baki Hartanah Pelaburan yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan telah terkurang nyata dan perbelanjaan susut nilai untuk pelaburan telah terlebih nyata dalam Penyata Prestasi Kewangan. b. Peruntukan Manfaat Kakitangan Terlebih Nyata Sejumlah RM255,222 Berdasarkan Nota 2.13.2 Perenggan (iii) Dasar Perakaunan Terpenting Majlis Daerah Lenggong menetapkan peruntukan gantikan cuti rehat bagi kakitangan yang akan bersara sekurang-kurangnya tiga tahun daripada tempoh kewangan berakhir. Majlis Daerah Lenggong telah terlebih iktiraf Peruntukan Manfaat Kakitangan sejumlah RM255,222 pada tahun 2021 kerana mengambil kira keseluruhan kakitangan dalam tahun semasa. Perkara ini menyebabkan Peruntukan Manfaat Kakitangan bagi Majlis Daerah Lenggong telah terlebih nyata.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Agensi Negeri Tahun 2021

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak lapan penyata kewangan BBN perlu dibentangkan di

Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 24 penyata kewangan agensi negeri tahun 2017 hingga 2020 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata kewangan tersebut merangkumi masing-masing satu tahun 2017 dan 2018, dua tahun 2019 dan 2020. Seterusnya penyata kewangan yang belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah melibatkan tiga agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (tahun 2018 hingga 2020), Lembaga Muzium Negeri Perak (tahun 2019 dan 2020) dan Lembaga Air Perak bagi tahun 2020. Penyata kewangan yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIBENTANGKAN
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
PENYATA KEWANGAN 2017		
1.	Perbadanan Taman Negeri Perak	10.12.2021
PENYATA KEWANGAN 2018		
1.	Perbadanan Taman Negeri Perak	29.03.2022
PENYATA KEWANGAN 2019		
1.	Perbadanan Taman Negeri Perak	29.03.2022
2.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	10.12.2021
PENYATA KEWANGAN 2020		
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Taman Negeri Perak	29.03.2022
2.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	18.07.2022
3.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	18.07.2022
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	10.12.2021
5.	Yayasan Perak	18.07.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	18.07.2022
2.	Majlis Perbandaran Taiping	
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	
5.	Majlis Perbandaran Manjung	
6.	Majlis Daerah Perak Tengah	
7.	Majlis Daerah Batu Gajah	
8.	Majlis Daerah Kampar	
9.	Majlis Daerah Kerian	
10.	Majlis Daerah Tanjong Malim	
11.	Majlis Daerah Tapah	
12.	Majlis Daerah Selama	

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
13.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	
14.	Majlis Daerah Gerik	
15.	Majlis Daerah Lenggong	

Sumber: Dokumen Dewan Negeri bertarikh 21 Disember 2021, 4 April 2022 dan 21 Julai 2022

7. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2021 sembilan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, telah selesai diaudit dan telah disahkan. Manakala 17 penyata kewangan tahun 2021 masih belum dimuktamadkan dan satu penyata kewangan masih belum dikemukakan oleh agensi negeri iaitu Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

8.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

8.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan

8.3. pemantauan yang berterusan dan efektif di semua peringkat dapat memastikan penyediaan penyata kewangan agensi negeri tepat dan saksama.

